- 7.1 Pihak Bank akan melaksanakan dan Pemohon bersetuju untuk menanggung faedah yang dikenakan ke atas Fasilitas pada kadar yang ditentukan oleh Bank. Bank mempunyai hak untuk mengubah kadar faedah berdasarkan perubahan Kadar Pinjaman Asas atau keadaan-keadaan pasaran. Tiada apa-apa di sini yang akan memprejudis hak Bank untuk menyemak semula kadar faedah pada bila-bila masa pada masa berlakunya kejadian-kejadian ingkar atau jika sekiranya Bank beranggapan lainya perlu.
- 7.2 Sekiranya dan pada bila-bila masa terdapatnya perubahan kadar keuntungan yang perlu dibayar oleh Pemohon Yang Berjaya di bawah perjanjian ini, AmBank boleh di atas budi bicara mutlaknya membuat penyesuaian yang perlu berikutan perubahan tersebut sama ada:
- Dengan mengubah amaun mana-mana ansuran bulanan/atau/
 - Dengan mengubah tempoh ansuran bulanan
- 7.3 Sekiranya berlakunya kegagalan atau kelewatan pihak AmBank untuk memberi sebarang notis kepada Pemohon Yang Berjaya mengenai sebarang perubahan seperti yang dinyatakan di sini tidak akan melepaskan obligasi-obligasi Pemohon Yang Berjaya untuk membayar faedah pada kadar yang telah diubah.

8 MODIFIKASI ANSURAN-ANSURAN

- 8.1 Pemohon Yang Berjaya tidak dibenarkan untuk mengubah tarikh permulaan ansuran bulanan Fasilitas, ansuran bulanan Fasilitas dan jangka masa ansuran Fasilitas yang dinyatakan dalam Surat Pengeluaran kecuali dengan kebenaran bertulis yang diberikan oleh Bank atau boleh diberi oleh Bank tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang diputuskan dan dibenarkan oleh Bank.
- 8.2 Keputusan Bank sama ada untuk memberi kelulusan atau sebaliknya adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dipertikaikan atas apa-apa alasan sekalipun.
- 8.3 Sekiranya dan pada bila-bila masa kadar faedah yang kena dibayar untuk Fasilitas diubah, Bank boleh atas budi bicara mutlaknya membuat pembetulan yang wajar berikutan perubahan tersebut dengan memberi notis kepada Pemohon Yang Berjaya sama ada:
- Dengan mengubah amaun ansuran bulanan Fasilitas;
 - Dengan mengubah jumlah bilangan bagi baki jangka masa ansuran Fasilitas;
 - Dengan mengubah melalui cara-cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

9 PERMODALAN FAEDAH

- 9.1 Keuntungan yang dikira atas pinjaman untuk masa kini termasuk permodalan faedah jika tidak dibayar akan pada setiap penghujung bulan atau pada budi bicara AmBank pada penghujung tempoh pembayaran faedah-faedah yang lain hendaklah dipermodalkan dan ditambah ke dalam pinjaman yang terhutang dan seterusnya faedah akan diambil kira dan perlu dibayar, dan semua perjanjian dan syarat yang terkandung atau yang tersirat di sini dan semua peraturan undang-undang atau ekuiti berkaitan pinjaman dan faedah berikutnya akan berkuatkuasa ke atas keuntungan yang dipermodalkan dan faedah yang dikenakan atau tunggakan walaupun terdapatnya sebarang tuntutan daripada AmBank mengenai kadar faedah atau faedah yang dicajkan pada bila-bila masa adalah muktamad dan konklusif, dan tidak boleh dipertikaikan.

10 PERMODALAN FAEDAH DIKECUALIKAN DARIPADA HAD AMAUN PINJAMAN YANG DILULUSKAN

- 10.1 Tanpa prejudis kepada peruntukan yang lain di dalam perjanjian ini dan hanya bagi tujuan untuk menentukan sama ada pinjaman telah melebihi had yang diluluskan atau semua keuntungan yang terkumpul dan dipermodalkan akan dianggap sebagai keuntungan dan tidak menjadi amaun pokok.

11 REBAT TAHUNAN

- 11.1 Pemohon Yang Berjaya yang telah melangsaikan pembayaran bulanan sebelum atau tepat pada tarikh yang ditetapkan untuk 12 bulan berturut-turut akan menikmati rebat 5% atas jumlah kadar keuntungan untuk tahun tersebut. Rebate ini akan diberi pada bulan ke-13 dan akan dinyatakan dalam penyata akaun bulan ke-13. Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah kadar rebat pada bila-bila masa atas budi bicara bank dengan notis kepada Pemohon Yang Berjaya.
- 11.2 Pada tahun terakhir untuk pinjaman/fasilitas ini dan dengan pembayaran balik sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan untuk 11 bulan berturut-turut, rebat akan diberi pada bulan ke-12 dalam penyata akaun dan merupakan bayaran yang terakhir.

12 FAEDAH TUNGGAKAN (KADAR TUNGGAKAN)

- 12.1 Pemohon Yang Berjaya mesti membayar kadar tunggakan (sebelum dan selepas penghakiman) pada kadar satu peratus (1.0%) atau mana-mana perubahan di atas Kadar Pinjaman Asas setiap tahun.

- pada mana-mana amaun tertunggak yang masih belum dibayar;
 - pada baki jumlah yang tertunggak jika Fasilitas ditarik balik atau selepas tempoh Fasilitas tamat;
- 12.2 Walaupun ketidakwujudan sebarang tuntutan daripada Bank bagi faedah atau mana-mana bayaran yang tertunggak daripada Pemohon Yang Berjaya, kadar tunggakan akan terakru sehingga tarikh bayaran sebenar.

13 TEMPOM

- 13.1 Tempoh pembayaran semula minimum adalah selama 24 bulan atau maksimum 96 bulan atau tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh AmBank menurut budi bicara mutlaknya dari masa ke semasa dengan pemberian notis kepada Pemohon Yang Berjaya.

14 HAK UNTUK MENARIK BALIK PINJAMAN/FASILITI

- 14.1 AmBank mempunyai hak untuk membatalkan pinjaman ini pada bila-bila masa dengan pemberian notis awal jika berlakunya kemungkiran atau pelanggaran mana-mana perjanjian ini termasuk sebelum pinjaman/fasilitas dikeluarkan.
- 14.2 AmBank juga mempunyai hak untuk menggantung atau tidak meneruskan pengeluaran pinjaman jika AmBank menyedari dan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa:
- Sebarang dokumen dan maklumat yang diberikan adalah palsu, tidak benar atau mengelirukan.
 - Terdapatnya sebarang penipuan, pemalsuan dan representasi yang tidak benar dalam permohonan pinjaman oleh Pemohon Yang Berjaya.

15 KETERSEDIAAN PINJAMAN

- 15.1 Pinjaman ini boleh digunakan selepas kesemua syarat pendahuluan telah dipatuhi menurut AmBank

16 PRABAYAR ATAU PENYELESAIAN AWAL

- 16.1 Sekiranya pemohon Yang Berjaya memilih untuk menyelesaikan pinjaman sepenuhnya sebelum dari tempoh matang, pemohon Yang Berjaya perlu memberi Pihak Bank satu (1) bulan notis bertulis.

17 BAYARAN BALIK

- 17.1 Pemohon Yang Berjaya sekiranya dituntut akan membayar kepada pihak Bank jumlah Keberhutangan atau baki daripadanya dari semasa ke semasa yang masih tertunggak dengan faedah ke atasnya pada kadar seperti yang dinyatakan secara khusus di bawah Klausula 7 di atas, dan kesemua jumlah lain di sini yang terikat untuk dibayar dan sehingga tuntutan kepada jumlah tertunggak tersebut dibuat Fasilitas tersebut akan dibayar dengan faedah ke atasnya pada kadar berdasarkan jumlah bayaran ansuran bulanan dan jumlah yang dinyatakan di sini atau sebaliknya tertakluk kepada budi bicara mutlak pihak Bank dengan notis kepada Pemohon Yang Berjaya.

- 17.2 Bayaran bulanan ansuran pertama adalah hendak dibayar pada hari pertama pada bulan berikutnya diikuti dengan pelepasan Fasilitas sepenuhnya atau pada tarikh-tarikh lain yang akan ditentukan oleh pihak Bank berdasarkan budi bicara mutlaknya dengan pemberian notis terlebih dahulu dan setiap ansuran bulanan berikutnya akan dibayar pada hari pertama setiap bulan berturut-turut sehingga jumlah Keberhutangan dan faedah ke atasnya dibayar dan dilunaskan sepenuhnya.

- 17.3 Dalam tempoh jangkamasa pembayaran balik, jumlah pokok bersama dengan jumlah faedah mestilah dibayar secara ansuran bulanan Fasilitas yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pengeluaran yang turut menyatakan jangkamasa ansuran Fasilitas dan maklumat lain, yang dihantar kepada Pelanggan apabila Fasilitas diluluskan.

- 17.4 Bank adalah berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menarik balik atau menamatkan Fasilitas dan menuntut pembayaran balik kesemua jumlah wang yang terhutang di bawah Fasilitas atau mengubah atau meminda Fasilitas atas terma-terma menurut budi bicara mutlak yang boleh diputuskan oleh Bank.

- 17.5 Dalam keadaan di mana Bank menuntut pembayaran semula Fasilitas, Pemohon Yang Berjaya adalah bertanggungjawab untuk membayar faedah ingkar ke atas jumlah amaun Fasilitas tertunggak dan ansuran bulanan Fasilitas yang masih belum dibayar setelah tuntutan pembayaran balik dibuat pada kadar faedah yang ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlaknya. Faedah ingkar akan terakru atas dasar harian (selepas penghakiman atau perintah Mahkamah dan juga sebelumnya) selama mana belum dibayar, akan didebitkan ke dalam akaun Pemohon Yang Berjaya pada akhir setiap bulan kalendar dan Pemohon Yang Berjaya akan bertanggungjawab kepada faedah pada kadar faedah ingkar seperti yang diperuntukkan.

18 PEMBAYARAN

- 18.1 Semua pembayaran akan dibuat kepada AmBank dengan sepenuhnya tanpa penolakan atau tuntutan balas, bebas dan jelas dari sebarang cukai, levi, penganan, duti, caj, yuran, penolakan, penahanan, pembatasan atau sebarang syarat.
- 18.2 Jika undang-undang memerlukan penolakan seperti ini dibuat dari sebarang bayaran, Pemohon Yang Berjaya hendaklah memastikan bahawa amaun bersih yang diterima oleh AmBank bersamaan dengan amaun yang patut diterima oleh AmBank, tanpa sebarang penolakan sebegini telah dibuat.
- 18.3 Segala pembayaran balik yang diterima oleh bank boleh digunakan untuk mana-mana cara yang ditentukan oleh pihak Bank diatas budi bicara mutlak Bank.
- 18.4 Jangkamasa ansuran bulanan Fasilitas akan ditentukan oleh Bank.
- 18.5 Ansuran bulanan Fasilitas jangkamasa ansuran Fasilitas tidak boleh diubah.
- 18.6 Pemohon Yang Berjaya mengakujani untuk membuat pengaturan yang memuaskan untuk pembayaran-bayaran Akaun Pinjaman Peribadinya mengikut terma-terma dan syarat-syarat sekiranya beliau berada di luar Negara.

19 REPRESENTASI DAN WARANTI

- 19.1 Pemohon Yang Berjaya mengaku dan memberi jaminan kepada AmBank bahawa:
- Pemohon Yang Berjaya mempunyai kuasa penuh untuk memasuki dan menjalankan obligasi-obligasi yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini, meminjam dan membayar semula amaun yang perlu dibayar dan terhutang kepada AmBank;
 - Tiada kejadian telah berlaku yang menyebabkan (atau dengan memberi notis atau luputnya masa atau kedua-duanya menyebabkan) berlakunya satu atau lebih kejadian kemungkiran seperti yang dinyatakan di Klausul 22 di bawah;
 - Pemohon Yang Berjaya tidak mengingkari sebarang Perjanjian yang mungkin mempunyai kesan besar dan menjejaskan keadaan kedudukan kewangan mereka

20 PENDEDAHAN

- 20.1 Pemohon Yang Berjaya dengan ini memberi kuasa kepada Bank dan/atau pegawai-pegawainya untuk:
- menggunakan, mendedahkan atau memaklumkan apa-apa maklumat mengenai Akaun Pinjaman Peribadinya untuk tujuan atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan mendapatkan semula wang yang genap dibayar dan kena dibayar oleh Pemohon Yang Berjaya kepada Bank di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini;
 - mendedahkan sebarang maklumat berkaitan dengan kedudukan kredit Pemohon Yang Berjaya kepada bank dan/atau institusi-institusi kewangan yang lain yang perlu dengan cara dan setakat mana Bank anggap perlu dan berkaitan dengan pertanyaan-pertanyaan sedemikian dan juga pendedahan nombor-nombor akaun kepada mana-mana orang atau pihak yang berminat;
 - mendedahkan maklumat kepada Bank Negara Malaysia mengenai Fasilitas Pemohon Yang Berjaya atau Akaun Fasilitas, sepertimana yang diperlukan, sama ada menurut undang-undang atau sebaliknya. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemohon Yang Berjaya atau mana-mana orang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi pendedahan sedemikian;
 - mendedahkan sebarang maklumat mengenai Pemohon Yang Berjaya kepada mana-mana rakan niaga Bank yang sedia ada atau masa akan datang bagi tujuan memberi maklumat mengenai produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan atau keistimewaan-keistimewaan dan faedah-faedah kepada Pemohon Yang Berjaya atau untuk sebab-sebab lain.

- 21 **KELULUSAN FASILITI**
- 21.1 Kelulusan permohonan adalah bergantung kepada pelaksanaan, penyampaian dan penyempurnaan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Bank. Bank boleh menolak permohonan Fasiliti tanpa memberi apa-apa alasan.
- 21.2 Bank boleh atas budi bicara mutlak meluluskan permohonan untuk amaun Fasiliti jangkamasa ansuran Fasiliti yang dinyatakan oleh Pemohon Yang Berjaya atau amaun Fasiliti yang lebih rendah dan/atau jangkamasa ansuran Fasiliti yang lebih pendek yang mana difikirkan sesuai oleh Bank.
- 21.3 Pemohon Yang Berjaya dengan ini memperakui bahawa penerimaan permohonan Fasiliti tersebut oleh pihak Bank adalah sempurna sebaik sahaja pihak Bank mengeluarkan Surat Pengeluaran untuk terma-terma yang terkandung di dalamnya dan mengkreditkan jumlah Fasiliti yang diluluskan ke dalam akaun semasa/simpanan/pinjaman yang ditetapkan oleh Pemohon Yang Berjaya di sini tanpa mengambil kira jumlah Fasiliti dalam akaun tersebut kekal atau masih tidak digunakan.
- 21.4 Apa-apa perbezaan dalam jumlah Fasiliti dan/atau tempoh ansuran Fasiliti yang dipohon dan seterusnya diluluskan tidak akan memberi kesan kepada kesahihan terma-terma dan syarat-syarat ini dan Pemohon Yang Berjaya dianggap telah menerima pembiayaan untuk jumlah Fasiliti seperti yang diluluskan oleh pihak Bank. Penghantaran permohonan untuk Fasiliti dan pengeluaran Surat Pengeluaran dengan ini dianggap sebagai satu perjanjian dari Pemohon Yang Berjaya untuk meminjam dan pihak Bank untuk menyediakan Fasiliti tersebut menurut terma-terma yang terkandung dalam permohonan, Surat Pengeluaran dan terma-terma yang terkandung di sini dan tiada lain-lain dokumen rasmi lanjut diperlukan untuk disempurnakan di antara Pemohon Yang Berjaya dan pihak Bank.
- 22 **KEJADIAN KEMUNGKIRAN**
- 22.1 Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan Fasiliti dengan pemberian notis awal dan meminta pembayaran amaun yang belum dijelaskan jika:-
- Jika terdapatnya kemungkiran mana-mana pembayaran amaun Fasiliti di bawah Terma dan Syarat ini atau mana-mana Pembiayaan atau fasiliti lain yang Pemohon ada dengan Pihak Bank pada tarikh matang;
 - terdapatnya pelanggaran mana-mana obligasi di bawah Terma dan Syarat ini atau mana-mana fasiliti sedia ada dengan Pihak Bank atau Kumpulan AmBank;
 - Pemohon mengakui secara bertulis akan ketidakmampuan mereka untuk membayar secara umumnya apabila hutang tersebut telah matang atau Pihak Bank pada pendapatnya memutuskan bahawa Pemohon tidak dapat membayar hutang mereka secara umum setelah hutang mereka menjadi matang;
 - prosiding kebangkrutan telah dimulakan terhadap Pemohon;
 - distres atau perintah pelaksanaan lain dilaksanakan ke atas atau terhadap mana-mana bahagian harta benda milik Pemohon dan tidak dilepaskan dalam masa empat belas (14) hari pada tarikh perintah tersebut dikeluarkan;
 - Sebarang hutang Pemohon kepada pihak ketiga tidak dijelaskan pada tarikh matang atau menjadi perlu dibayar sebelum kematangannya seperti yang dinyatakan atau apa-apa jaminan yang diberikan oleh Pemohon tidak ditunaikan apabila sampai tarikh matang dan dituntut;
 - apa-apa representasi atau waranti dibuat oleh Pemohon kepada Pihak Bank dibuktikan tidak benar atau, jika diulangi pada bila-bila masa setelah dirujuk kepada fakta yang diberikan pada masa tersebut, tidak lagi menjadi benar dan tepat dalam segala aspek;
 - Terdapatnya pelanggaran Seksyen 62 Aktu Bank dan Institusi Kewangan 1989;
 - Pemohon meninggal dunia atau menjadi tidak siaman.
- 22.2 Pemohon Yang Berjaya hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang dinyatakan di atas kecuali klausa 22.1(ix), di mana keluarga terdekat hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis sekiranya kejadian seperti di dalam klausa 22.1(ix) tersebut berlaku.
- 22.3 Pemohon Yang Berjaya memberi jaminan untuk mengganti rugi AmBank terhadap apa-apa kerugian kerosakan atau liabiliti yang dialami oleh AmBank akibat dari apa-apa kejadian kemungkiran berhubung dengan pemberian pinjaman ini.
- 23 **PENINGKATAN KOS**
- 23.1 Pemohon Yang Berjaya atas permintaan hendaklah membuat bayaran tepat pada waktunya kepada AmBank amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh AmBank atas budi bicara mutlak AmBank dan bersetuju untuk mengganti rugi AmBank terhadap sebarang kos atau peningkatan kos sekiranya AmBank menentukan bahawa pengenalan atau perubahan sebarang undang-undang, perintah, peraturan atau arahan rasmi (sama ada terdapatnya kesan perundangan) dari pihak berkuasa yang relevan iaitu:-
- Diambil bersama-sama dengan obligasi AmBank di bawah perjanjian ini menjadikan AmBank menimbulkan kos; atau
 - Untuk meningkatkan kos kepada AmBank bagi tabung atau mengekalkan pinjaman.
- 24 **PERUBAHAN KEPADA KEADAAN** - Sekiranya, disebabkan oleh sebarang pertukaran undang-undang yang dilaksanakan, peraturan atau keperluan pihak berkuasa atau interpretasinya atau perlakuannya atau pematuhan AmBank kepada sebarang arahan yang ditetapkan, permintaan atau keperluan (sama ada terdapatnya kesan perundangan) akan dilaksanakan ke atas AmBank, sebarang syarat, beban atau obligasi AmBank, selepas menyadari keadaan tersebut komitmen AmBank untuk memberikan atau mengekalkan pinjaman akan berakhir selepas notis diberikan kepada Pemohon.
- 25 **KOS DAN PERBELANJAAN**
- 25.1 Semua kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak Bank berkenaan dengan atau yang timbul daripada atau sampingan kepada Fasiliti akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemohon Yang Berjaya, dan akan menjadi terhutang dan perlu dibayar serta-merta.
- 25.2 Semua cukai setem dan yuran peguam yang perlu dibayar (yang dinilai atas dasar "peguam dan klien") atau yang ditanggung oleh pihak Bank:
- berhubung dengan atau sebagai sampingan pada peruntukan Fasiliti; dan/atau
 - Waktu menguatkuasanya haknya berkenaan dengan Fasiliti akan menjadi perlu dibayar oleh Pemohon Yang Berjaya dengan notis terlebih dahulu.
- 26 **PENYUSUNAN SEMULA** - Perjanjian ini adalah sah dan mengikat kesemua pihak walaupun terdapatnya pertukaran dari segi penggabungan, penyusunan semula dan tidak akan membawa kesan kepada liabiliti dan obligasi-obligasi yang sedia ada, sama ada pada masa sekarang atau di masa hadapan.
- 27 **AKAUN GANTUNG**
- 27.1 Wang yang diterima boleh diletakkan atau disimpan di dalam akaun gantung tanpa-faedah selagi AmBank fikiran patut tanpa sebarang kewajipan pada masa yang sama untuk menggunakannya bagi menyelesaikan wang atau liabiliti yang patut dibayar.
- 27.2 Walaupun terdapatnya pembayaran yang dinyatakan di atas, sekiranya Pemohon Yang Berjaya telah bankrap, AmBank boleh membuktikan untuk dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi yang berkenaan dengan bahagian penuh atau sebahagian daripada wang atau liabiliti-liabiliti yang belum selesai dengan cara yang sama seperti perjanjian ini tidak wujud.
- 28 **PENGIRAAN YANG MUKTAMAD** - Pengiraan AmBank terhadap amaun yang perlu dibayar adalah muktamad kecuali terdapat kesilapan yang nyata dan ketara.
- 29 **HAK UNTUK TOLAKAN** - Pemohon Yang Berjaya hendaklah membenarkan AmBank untuk menolak, dengan notis diberikan terlebih dahulu sebarang amaun tertunggak termasuk faedah atau yuran yang patut dibayar dan yang terhutang kepada AmBank di bawah perjanjian ini, apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh AmBank dari sebarang akaun Pemohon Yang Berjaya atau yang dikekalkan di mana-mana cawangan atau pejabat AmBank.
- 30 **PENGGABUNGAN DAN KOMBINASI AKAUN** - AmBank berhak pada bila-bila masa dan pada budi bicara dan tanpa sebarang notis kepada Pemohon Yang Berjaya untuk menggabungkan sebarang atau semua akaun Pemohon Yang Berjaya termasuk akaun-akaun bersama dengan pihak lain (atau sebarang keadaan sama ada tertakluk kepada notis) di mana terdapat sebarang liabiliti dan obligasi yang ditanggung oleh Pemohon Yang Berjaya atau dari mana-mana Syarikat berkaitan dengan AmBank dan menolak atau memindahkan sebarang amaun kredit dari mana-mana satu atau lebih akaun untuk obligasi wang dan liabiliti yang perlu dan patut dibayar kepada AmBank.
- 31 **NOTIS**
- 31.1 Sebarang tuntutan atau notis kepada Pemohon Yang Berjaya di bawah perjanjian ini hendaklah dalam bentuk tulisan dan ditandatangani oleh Pengurus Besar, Pengurus, atau pegawai AmBank yang diberi kuasa atau sebarang peguamcara atau firma peguamcara yang bertindak untuk AmBank dan boleh dibuat melalui surat, dialamatkan kepada Pemohon Yang Berjaya atau kedua-duanya begitu juga dengan writ saman dan dokumen-dokumen perundangan hendaklah dihantar menerusi pos biasa atau dihantar secara penghantaran peribadi ke alamat Pemohon Yang Berjaya yang dinyatakan di sini atau yang biasa atau pada tempat perniagaan terakhir yang diketahui, pekerjaan atau kediaman Pemohon Yang Berjaya dan sebarang tuntutan atau notis atau writ saman atau dokumen-dokumen perundangan jikalau dihantar menerusi pos hendaklah dianggap telah diterima oleh Pemohon Yang Berjaya selepas tamatnya tempoh lima (5) hari selepas ia diposkan walaupun pada hakikatnya tuntutan atau notis tersebut atau writ saman atau dokumen-dokumen perundangan dipulangkan semula kerana tidak dihantar atau tidak dituntut. Sebarang notis yang diberikan di bawah Perjanjian ini kepada AmBank hendaklah dalam bentuk tulisan dan ditandatangani sama ada oleh Pemohon Yang Berjaya dan boleh dibuat dengan surat dialamatkan kepada AmBank dan dihantar menerusi pos berdaftar atau dihantar dengan cara penghantaran peribadi ke alamat AmBank yang dinyatakan di sini atau alamat lain seperti dimaklumkan oleh AmBank kepada Pemohon Yang Berjaya dan akan hanya dianggap telah dihantar kepada AmBank pada tarikh penerimaan sebenar AmBank.
- 31.2 Sebarang surat notis tuntutan kenyataan peringatan atau sivil (selepas ini pada umumnya dirujuk sebagai "dokumen tersebut") yang perlu diberi oleh AmBank tidak memerlukan tandatangan atau ditandatangani oleh mana-mana pegawai AmBank di mana telah dinyatakan di dalam dokumen tersebut bahawa dokumen tersebut ialah hasil komputer dan tidak memerlukan sebarang tandatangan.
- 32 **PENYAMPAIAN PROSES UNDANG-UNDANG** - Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa penyampaian apa-apa Writ Saman atau apa-apa proses undang-undang mengenai apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat ini adalah sempurna dan berkesan dengan menyampaikan sesalinannya melalui pos berdaftar prabayar dan sesalinannya melalui pos biasa ke alamat-alamat Pemohon Yang Berjaya yang dinyatakan dalam borang permohonan Fasiliti atau ke alamat-alamat lain yang dimaklumkan oleh Pemohon Yang Berjaya kepada Bank dari semasa ke semasa.
- 33 **SIJIL KEBERHUTANGAN** - Sijil yang ditandatangani oleh pegawai Bank mengenai jumlah keberhutangan pada masa tertentu dan terhutang kepada Bank oleh Pemohon Yang Berjaya akan menjadi bukti konklusif atau bukti bahawa amaun yang dinyatakan di dalamnya adalah terhutang dan kena dibayar oleh Pemohon Yang Berjaya kepada Bank.
- 34 **LIABILITI**
- 34.1 Pihak Bank tidak akan sama sekali menanggung sebarang kerugian mahupun sebarang liabiliti di atas kehilangan pendapatan atau sebarang kerosakan secara langsung atau tidak langsung atau tidak disengajakan, atau menanggung sebarang gantirugi tauladan, punitif dan khas yang dialami oleh Pemohon, walaupun Pihak Bank telah dinasihatkan terlebih dahulu tentang kemungkinan berlakunya sebarang kerosakan sepertimana yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.
- 34.2 Pihak Bank adalah bebas dari apa jua tanggungjawab atas permohonan yang telah ditolak dan tidak perlu memberi sebarang penerangan dan tidak mengambil liabiliti atas sebarang kerugian akibat penolakan permohonan fasiliti ini.
- 35 **TANGGUNG RUGI**
- 35.1 Pihak Bank tidak bertanggungjawab dan menyangkal sebarang beban terhadap sebarang tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pemohon Yang Berjaya akibat daripada penerimaan fasiliti ini.
- 36 **FORCE MAJEURE**
- 36.1 Pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap kegagalan melaksanakan obligasinya disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh apa-apa bencana alam, atau force majeure, rusuhan, kekecohan awam, tindakan penganas, kecacauan buruh, sekat masuk, kebakaran, banjir, kemalangan, kerosakan mesin atau komputer, tanpa menghadkan apa-apa di dalam ini, apa-apa perkara di luar kawalan Pihak Bank.
- 37 **UNDANG-UNDANG**
- 37.1 Terma dan Syarat yang tertera di sini adalah di bawah pengawasan Undang-Undang Malaysia dan segala pihak yang terikat dalam terma ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir menurut Undang-Undang Malaysia adalah dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.
- 38 **TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG LAIN**
- 38.1 Penggunaan Fasiliti adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.
- 38.2 Pemohon Yang Berjaya mengesahkan bahawa beliau tidak bergantung kepada apa-apa yang dikatakan telah dinasihatkan, diwakili atau dijanjikan oleh kakitangan Bank atau wakilnya yang tidak dinyatakan secara nyata dalam terma-terma dan syarat-syarat di sini. Walaupun jika terdapat apa-apa nasihat, perwakilan atau janji diberikan, Pemohon Yang Berjaya bersetuju ia tidak akan mengikat Bank secara undang-undang, atau menjadi pembelaan atau sokongan untuk apa-apa tuntutan Pemohon Yang Berjaya dalam apa-apa prosiding undang-undang.
- 38.3 Bank boleh menggunakan apa-apa hak, kuasa atau remedi yang mungkin ada padanya, sama ada dinyatakan di sini atau diberikan padanya oleh undang-undang walaupun telah berlaku kelewatan. Semua hak dan kuasa Bank dalam undang-undang atau ekuiti boleh digunakan walaupun ia saling bertindih dengan mana-mana hak dan kuasa dalam terma-terma dan syarat-syarat ini. Jika Bank tidak bertindak apabila ia berhak berbuat demikian, itu tidak bermakna ia:
- telah bersetuju dengan kemungkiran Pemohon Yang Berjaya; atau
 - telah melepaskan haknya; atau
 - dihalang untuk bertindak di waktu akan datang.
- Bilamana Bank dengan jelas mengetepikan suatu kemungkiran oleh Pemohon Yang Berjaya, ini tidak akan mengganggu apa-apa hak, kuasa atau remedi pihak Bank berhubung kemungkiran lain oleh Pemohon Yang Berjaya, sama ada berlaku sebelum atau selepas penempatan tersebut.
- 38.4 Bank mengekalkan haknya pada bila-bila masa untuk melaksanakan terma-terma tambahan atau mengubah atau meminda terma-terma dan syarat-syarat ini tertakluk kepada budi bicara tunggal dan mutlak pihak Bank dengan notis terdahulu.
- 38.5 Bank mengekalkan haknya terhadap Pemohon Yang Berjaya pada bila-bila masa dan dengan notis terlebih dahulu kepada Pemohon Yang Berjaya, sebelum atau selepas, untuk menambah, mengubah, memadamkan, meminda, menukar atau mevariasi kesemua atau mana-mana terma-terma dan syarat-syarat atau dengan menggantikan secara keseluruhan atau sebahagian Fasiliti dengan skema yang lain, sama ada serupa atau tidak, atau menarik balik secara sekaligus.
- 38.6 Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris tersedia di ambankgroup.com. Pemohon Yang Berjaya dikehendaki untuk melayari ambankgroup.com untuk Terma dan Syarat terkini.